

NO. SOALAN : 62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN NGA KOR MING [TAIPING]

TARIKH : 26 MAC 2015 [KHAMIS]

SOALAN :

YB TUAN NGA KOR MING [TAIPING] meminta PERDANA MENTERI menyatakan dalam kes Razak Baginda v. PP yang melibatkan kes bunuh, iaitu seksyen 302 Kanun Keseksaan, apakah sebab sebenar Jabatan Peguam Negara tidak mengemukakan rayuan ke atas keputusan Mahkamah Tinggi.

JAWAPAN: YB HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Abd. Razak bin Abdullah (Razak Baginda) telah dituduh bersubahat dengan Ketua Inspektor Azilah dan Koperal Sirul melakukan pembunuhan Altantuya Shaariibuu. Pada akhir kes pendakwaan, Mahkamah Tinggi Shah Alam telah melepaskan dan membebaskan Abd. Razak bin Abdullah tanpa pembelaan diri dipanggil atas alasan keterangan yang dikemukakan tidak mencukupi bagi membuktikan kes *prima facie* ke atasnya.
2. Berdasarkan keterangan yang dikemukakan semasa perbicaraan Mahkamah, kajian menyeluruh telah dilakukan ke atas kes yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan untuk menentukan sama ada rayuan terhadap perintah Mahkamah Tinggi tersebut perlu dibuat atau tidak.
3. Setelah dikaji dengan teliti dan mendalam, Jabatan Peguam Negara berpendapat bahawa tiada keterangan yang kukuh dan mencukupi bagi membuktikan penglibatan Abd. Razak bin Abdullah dalam pembunuhan Altantuya. Oleh yang demikian, keputusan telah dibuat untuk tidak memfailkan rayuan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 63

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

TARIKH : 26 MAC 2015

RUJUKAN : 7574

SOALAN:

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah rekod kes perlakuan jenayah terhadap warga emas yang dicatatkan sepanjang tahun 2013 dan 2014 mengikut setiap negeri; dan
- (b) apakah jenis perlakuan jenayah terhadap warga emas yang mencatat rekod kes tertinggi.